

SULIT

SSP1013



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER KEDUA SESI 2006/2007**

KOD/NAMA KURSUS : SSP1013 PENGANTAR SOSIOLOGI
TARIKH : 7 MEI 2007 (ISNIN)
MASA : 4.00 – 6.00 PETANG (2 JAM)
TEMPAT : DMS

ARAHAN :

1. Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** soalan dalam **ENAM (6)** halaman bercetak tidak termasuk kulit hadapan.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam ruangan yang disediakan di atas kertas soalan.

NO. MATRIK : _____

--	--	--	--	--	--	--	--

(*dengan perkataan*)

(*dengan angka*)

NO. KAD PENGENALAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA PENSYARAH : _____

KUMPULAN :

--

NOMBOR MEJA :

--	--	--	--

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

SULIT

ARAHAN: Jawab SEMUA soalan dalam ruangan yang disediakan.

1. Teori Pasca Moden (*Postmodernism*) diperkenalkan kerana ahli Sains Sosial mendapati ada kelemahan dalam teori Positivisme. Huraikan secara ringkas teori Positivisme dan berikan **DUA (2)** kelemahan teori Positivisme yang dikritik oleh teori Pasca Moden.

(8 markah)

2. Berikan **DUA (2)** perbezaan di antara konflik peranan dan ketegangan peranan.
(8 markah)

Konflik peranan	Ketegangan peranan
1.	
2.	

3. Terangkan teori Pelabelan (*Labelling theory*) dengan melukis gambarajah teori tersebut.
(10 markah)

4. Max Weber telah memperkenalkan tiga jenis autoriti. Berikan **TIGA (3)** jenis autoriti tersebut dan juga definisinya.

(12 markah)

Jenis autoriti	Definisi
1.	
2.	
3.	

5. Berikan **SATU (1)** perbezaan di antara:

- i. khabar angin (*rumour*) dan gosip/umpatan (*gossip*)
- ii. *mobs* dan rusuhan (*riot*)
- iii. *fads* dan fesyen (*fashion*)

(12 markah)

6. Berikan **EMPAT (4)** jenis hukuman rasmi yang sedang digunakan di negara Malaysia.

(6 markah)

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

7. Terdapat sebuah negara di Asia yang kekurangan warga wanita. Akibat fenomena ini, beberapa orang lelaki terpaksa berkongsi seorang isteri. Nyatakan konsep dan jelaskan:

- i. bentuk perkahwinan tersebut;
- ii. bentuk petempatan yang diamalkan;
- iii. bentuk pewarisan yang diamalkan.

(12 markah)

8. Berikan **DUA (2)** fungsi agama (teori Fungsionalisme) dan **DUA (2)** disfungsi agama (teori Konflik).

(8 markah)

9. Nyatakan **TIGA (3)** komponen kebudayaan dan sertakan **SATU (1)** contoh untuk tiap-tiap komponen.

(9 markah)

Komponen	Contoh
i.	
ii.	
iii.	

10. Senaraikan **LIMA (5)** ciri masyarakat industri.

(5 markah)

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

11. Dalam teori Evolusi, Auguste Comte mengatakan bahawa masyarakat berkembang melalui tiga tahap. Dalam teori Konflik, Karl Marx pula mengatakan bahawa masyarakat akan berkembang melalui empat tahap. Nyatakan **TIGA (3)** tahap perkembangan masyarakat Auguste Comte dan **EMPAT (4)** tahap perkembangan masyarakat Karl Marx.

(10 markah)

- Auguste Comte: i. _____
- ii. _____
 - iii. _____

- Karl Marx: i. _____
- ii. _____
 - iii. _____
 - iv. _____